

26/04/2005

Shafie-Buku

PENSYARAH DISARAN BUKUKAN HASIL KAJIAN UNTUK TAMBAH BAHAN BACAAN ILMIAH

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Shafie Salleh hari ini mahu semua kajian serta penemuan akademik serta penyelidik tempatan dibukukan bagi menambah khazanah ilmiah negara.

Beliau berkata langkah ini perlu kerana penerbitan buku ilmiah negara masih kecil iaitu antara 200 dan 300 judul berbanding negara luar seperti China, India dan Indonesia dan negara barat yang mampu menerbitkan ribuan judul buku ilmiah setiap tahun.

"Walaupun negara mempunyai 17 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan puluhan IPT swasta yang ditunjangi ribuan tenaga akademik, malangnya nisbah penerbitan ilmiah dengan tenaga akademik adalah kecil dan amat tidak signifikan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku terbitan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Forum Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad di sini.

"Sekarang ini penerbitan ilmiah digabungkan dengan insentif untuk kenaikan pangkat seperti daripada Profesor Madya ke jawatan Profesor. Mereka buat kajian dan menjadi kriteria.

"Tetapi kebanyakan kajian yang dibuat hanya diletakkan di atas rak buku dan dipenuhi habuk," katanya.

Oleh itu katanya adalah lebih baik jika format kajian itu diubah kepada bentuk buku bacaan agar penemuan serta ilmu yang terdapat dalam kajian berkenaan dapat dimanfaatkan oleh orang ramai di samping menambah bahan bacaan ilmiah di negara ini.

Beliau berhadap pengurusan IPT awam dan IPT swasta dapat melaksanakan dasar penerbitan ilmiah secara tegas di kalangan tenaga pengajar akademik yang kini seramai 18,000 orang di seluruh negara.

Katanya kerajaan sentiasa memberi galakan terhadap usaha itu dengan memberi insentif tertentu seperti pengecualian cukai serta bantuan kewangan menerusi geran yang disediakan.

Terdahulu, ketika berdialog mengenai Tun Dr Mahathir, Shafie berkata bekas Perdana Menteri Malaysia Keempat itu merupakan seorang pemimpin yang berpengetahuan luas dalam segala bidang sungguhpun beliau seorang doktor perubatan kerana minatnya yang suka membaca.

Beliau berkata Dr Mahathir menjadikan membaca sebagai kemestian dalam menimba ilmu dan ini seharusnya menjadi ikutan setiap lapisan masyarakat dalam usaha membawa perubahan kepada diri sendiri supaya menjadi insan yang berilmu dan mencapai kejayaan dalam kehidupan.

-- BERNAMA

AKT ZS LAT